

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA KONVENSYEN CUEPACS KE-22
DI DEWAN WAWASAN, PGRM, CHERAS, KUALA LUMPUR
2 OKTOBER 2001

Saya bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul di dewan yang serba indah ini untuk pertemuan yang penting ini. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kerana memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan, seterusnya merasmikan konvensyen CUEPACS ke-22 pada hari ini.

2. Saya dan rakyat Malaysia keseluruhannya berbangga dengan peranan dan sumbangan kakitangan kerajaan dalam membangunkan negara. Sesungguhnya, kemajuan Malaysia selama ini banyak bergantung kepada usaha, penat lelah dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan di dalam sektor awam. CUEPACS mewakili dan menjaga kepentingan pekerja-pekerja sektor awam. Disamping itu, CUEPACS menjadi kustodian kepada amalan dan tradisi terbaik (best practices and best traditions) di dalam perkhidmatan awam. Amalan dan tradisi unggul ini haruslah dipelihara dan dikembangkan lagi, untuk generasi pekerja masa hadapan.

3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan merakamkan penghargaan kepada semua, kerana wujudnya hubungan yang erat di antara pihak kerajaan dan CUEPACS. Kedua-dua pihak saling menghormati dan saling memahami antara satu sama lain. Suasana ini wujud lantaran kepimpinan yang bertanggungjawab yang ditonjolkan oleh kedua-dua belah pihak, terutamanya pemimpin CUEPACS dan kesatuan/persatuan yang bergabung dengannya. Di bawah kepimpinan sekarang, hubungan dan kerjasama di antara kerajaan dan CUEPACS telah dapat dipertingkatkan lagi, dan ini telah memberi sumbangan yang besar kepada kestabilan dan kesejahteraan ekonomi negara.

4. Misalnya, ketika krisis ekonomi dan matawang melanda negara tidak lama dahulu, CUEPACS telah menunjukkan sikap toleransi dan semangat kerakanan yang tinggi dengan menyokong penuh usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara. Setiap pekerja juga telah menunjukkan sokongan mereka, dengan menyambut baik usaha kerajaan untuk berjimat cermat. Pihak CUEPACS telah sanggup menanggungkan permintaan-permintaan mereka sehingga keadaan ekonomi pulih. Sikap timbangrasa sebegini patut dipuji kerana kesanggupan mereka mengenyahkan kepentingan diri demi kepentingan negara. Ini menunjukkan kematangan dan kebijaksanaan kepimpinan CUEPACS yang cukup memahami masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam suasana kegawatan ekonomi.

5. Dalam pada itu, kebajikan dan kesejahteraan para pekerja sentiasa diambil berat oleh kerajaan. Umpamanya, apabila keadaan kewangan negara semakin pulih baru-baru ini, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menaikkan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus tanpa sebarang permintaan daripada CUEPACS. Sementara itu, banyak cadangan dan permintaan CUEPACS yang telah diterima dan dilaksanakan. Ini menunjukkan keikhlasan dan kejujuran kerajaan terhadap golongan pekerja.

6. Walaupun kerajaan sentiasa cuba melakukan yang terbaik untuk pekerja, suka saya mengingatkan di sini bahawa sumbangan yang diberikan oleh kerajaan tetap tertakluk kepada justifikasi dan keupayaan kewangan negara. Sekiranya kerajaan mendapati produktiviti di kalangan pekerja semakin baik dan pendapatan negara semakin bertambah, besar kemungkinan kerajaan akan dapat memenuhi permintaan-permintaan pihak pekerja. Disamping itu, ganjaran pihak kerajaan juga amat bergantung kepada daya tahan dan daya saing ekonomi negara. Sekiranya kos pengeluaran negara dapat dikurangkan, serta perkhidmatan dan barangan buatan Malaysia menjadi lebih menarik dan kompetitif, sudah tentu sektor swasta negara akan berkembang dan bertambah maju. Lebih ramai pelabur tempatan dan asing akan melabur di Malaysia. Pertumbuhan ekonomi akan terus dirangsang dan pendapatan negara akan bertambah. Ini akhirnya akan memberi manfaat kepada pekerja dan rakyat jelata, serta mengizinkan pemberian ganjaran oleh pihak majikan, termasuk kerajaan.

7. Oleh yang demikian, sektor awam bersama-sama sektor swasta memainkan peranan terpenting dalam menggerakkan ekonomi negara. Bagi maksud ini, perwakilan CUEPACS sebagai anggota perkhidmatan awam perlulah sentiasa meningkatkan produktiviti mereka menerusi penambahan ilmu, kepakaran dan kemahiran serta pembinaan sikap yang positif. Kesemua ini penting dalam usaha negara menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

8. Pada masa ini pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan (K-economy) adalah sangat mustahak bagi mengekalkan kadar pertumbuhan yang pesat dan meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Untuk kita terus maju kita memerlukan sumber tenaga mahir, dan ini hanya dapat diperolehi dengan melatih dan mendidik lebih banyak tenaga kerja yang berpengetahuan. Sebagai pekerja yang berpengetahuan (knowledge workers), kita akan dapat memahami kehendak pelanggan dan membantu mereka melalui cara dan proses kerja yang lebih kemas, bijak dan cekap. Bagi melahirkan pekerja yang berpengetahuan (knowledge workers) tersebut, adalah penting bagi semua agensi perkhidmatan awam mewujudkan bahagian pengurusan sumber manusia yang mantap di agensi masing-masing. Saya berharap dengan wujudnya bahagian ini aspek latihan pekerja akan dapat diadakan secara terancang, seterusnya meningkatkan kemahiran setiap pekerja agar perkhidmatan bermutu tinggi dapat disampaikan kepada pelanggan mereka.

9. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi memajukan bidang teknologi maklumat (I.T.). Kita akan terus melabur di dalam bidang latihan dan pendidikan. Oleh itu, pihak pekerja hendaklah memahami dan menguasai bidang teknologi maklumat dan multimedia, serta berkebolehan berkomunikasi melalui teknologi elektronik dan komputer. Ke arah ini, kerajaan telah melancarkan projek H.R.M.I.S. (Human Resource Management Information System), sebagai satu usaha menggembelingkan teknologi sebagai pemangkin ke arah meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia di sektor perkhidmatan awam. Projek ini akan mendedahkan anggota perkhidmatan awam kepada kecanggihan teknologi maklumat dan faedah-faedah yang boleh dinikmati.

10. Menyedari akan kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 serta Dasar Pembangunan Nasional, negara kini sedang melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) dan Dasar Wawasan Negara. Setelah memperolehi kejayaan yang baik melalui

pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, kita terus melangkah ke hadapan untuk mencapai matlamat besar negara, iaitu Wawasan 2020. Setiap lapisan rakyat, terutamanya para pekerja hendaklah berusaha dengan gigih bagi mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi. Setiap lapisan rakyat juga perlulah bersatu dalam usaha membangunkan sebuah negara yang kukuh dan berdaya maju.

11. Semua kejayaan kita tercapai di atas kegigihan dan ketekunan semua pihak di negara ini, terutamanya para pekerja Malaysia. Saya berharap, sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan program-program, pihak pekerja akan berpegang kepada prinsip-prinsip profesionalisme, taat setia kepada kerajaan yang memerintah, serta berdisiplin.

12. Kita seharusnya bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana negara kita telah dapat menghadapi pelbagai ancaman dari luar dan dalam negara, yang sentiasa cuba untuk menggugat keselamatan dan perpaduan rakyat. Kejayaan negara adalah berkat sokongan, kerjasama dan perpaduan semua golongan rakyat, termasuk pekerja di sektor awam dan swasta. Pihak pekerja, misalnya, tidak mengadakan piket atau demonstrasi atau mogok yang boleh menjejaskan ketenteraman awam. Ini kerana pihak pekerja sedar sekiranya ini berlaku, ia boleh membawa padah kepada rakyat jelata, dan mencemar nama baik negara di kaca mata dunia.

13. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, kerajaan sentiasa bersikap terbuka dalam menyelesaikan isu-isu yang dibawa oleh CUEPACS, seperti hal ehwal kebajikan, gaji, elaun, kemudahan, syarat-syarat atau terma perkhidmatan dan sebagainya. Apa yang diamalkan ialah kesediaan untuk berjumpa dan berbincang mengenai apa juga masalah dengan mana-mana pihak. Kerajaan percaya ini adalah cara yang terbaik, mengikut acuan kita sendiri dan telah terbukti keberkesanannya. Ini agak berbeza dengan pendekatan confrontational yang diamalkan di negara-negara lain yang telah banyak menimbulkan masalah kepada negara dan rakyat sekiranya tuntutan-tuntutan pekerja tidak dapat dipenuhi.

14. Kita juga telah melihat bagaimana perbuatan radikal pihak-pihak tertentu itu telah merosakkan ekonomi negara mereka sendiri. Oleh kerana terlalu taksud dengan konsep hak pekerja, kita dapat melihat bagaimana kekacauan dan keganasan melanda beberapa negara-negara industri yang maju. Kita memang tidak mahu pengalaman ini berlaku di Malaysia, kerana ianya bukan sahaja merugikan pihak pekerja bahkan kerajaan dan masyarakat umumnya. Walaupun berbeza pendapat, kepentingan orang ramai dan negara adalah lebih utama daripada kepentingan perseorangan atau kumpulan tertentu. Peranan kesatuan sekerja harus dilihat dari perspektif pembangunan yang lebih luas dan menyeluruh. Saya yakin CUEPACS bersama saya di dalam pendirian ini.

15. Pihak pekerja merupakan satu aset utama negara. Kerajaan telah mengiktiraf pekerja sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara. Oleh itu, hubungan erat antara pihak pekerja dengan pihak majikan perlu dijalin dan diberi perhatian. Sebarang usaha yang boleh menggugat hubungan simbiotik antara pihak pekerja dan majikan harus dielakkan.

16. Hubungan mesra dan harmoni ini amat penting kepada keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara. Langkah bijak di pihak kesatuan/persatuan sekerja melalui perkongsian bestari (smart partnership) dengan pihak pengurusan sektor awam telah menghasilkan banyak faedah. Kini kita mula menjadi tumpuan dan perhatian

banyak negara lain di dunia.

17. Kerajaan sentiasa mengamalkan sikap mendengar dan memahami, serta menggalakkan pengurusan berunsur partisipatif. Ke arah ini, kerajaan telah mewujudkan jentera Majlis Bersama Kebangsaan (M.B.K.) dan Majlis Bersama Jabatan (M.B.J.) untuk menjaga kepentingan pihak pekerja sektor awam. Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, banyak isu telah dibangkitkan oleh pihak pekerja dari masa ke semasa, di mana kesemuanya telah disalurkan melalui M.B.K. dan M.B.J.. Proses ini telah banyak memberikan manfaat bukan sahaja kepada pihak pekerja khususnya, malahan juga kepada seluruh anggota perkhidmatan awam, amnya.

18. Dengan adanya kerjasama erat antara majikan dan pekerja, produktiviti individu dan organisasi keseluruhannya akan dapat dipertingkatkan. Keadaan ini adalah kritikal disebabkan pada masa-masa akan datang, kita akan berhadapan dengan cabaran-cabaran yang lebih besar. Kita akan memerlukan setiap anggota sesebuah organisasi bekerjasama rapat di semua lapisan dan di setiap peringkat.

19. Sama ada melalui M.B.K., M.B.J., mahupun forum- forum lain yang bersesuaian, saya berharap pemimpin- pemimpin CUEPACS dan kesatuan sekerja yang bergabung dengannya, akan dapat menyalurkan maklumat yang tepat kepada ahli-ahli, khususnya mengenai dasar-dasar semasa kerajaan, supaya ianya dapat dihayati, diterima dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sementara itu, maklumbalas dan input juga harus disampaikan kepada pihak kerajaan dengan ikhlas dan membina, agar dasar- dasar tertentu dapat dikaji dan diperbaiki. Saya juga berharap semoga CUEPACS dan ahli gabungannya sentiasa memberi kerjasama dan sokongan padu dalam menyampaikan maklumat yang betul dan cepat supaya kita juga dapat mengelakkan sebarang tohmahan dan fitnah dari meracuni fikiran pekerja dan rakyat, yang hanya akan membawa kepada keburukan dan kerosakan.

20. Kita mestilah sedar bahawa anasir-anasir anti- Malaysia dan anti-kerajaan dari dalam dan luar negara, yang tidak senang dengan kemajuan dan kelantangan suara kita, sentiasa berusaha untuk memusnahkan perpaduan, keamanan dan kemakmuran yang telah kita bina selama ini. Walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran sengit selama 44 tahun kita merdeka, namun kita masih kekal sebagai sebuah negara yang bermaruah dan berdaulat. Saya pasti tuan-tuan dan puan-puan tidak sanggup melihat usaha-usaha murni ini musnah begitu sahaja, kerana ianya sudah tentu akan membawa kemudaratan kepada anak-anak kita serta generasi yang akan datang.

21. Kuasa-kuasa asing sememangnya mahu meneruskan dominasi mereka. Keinginan untuk "menjajah" negara- negara miskin dan membangun mungkin masih tebal di kalangan mereka, walaupun bentuknya kini telah berubah. Kalau dahulu mereka akan menjajah secara fizikal, tetapi pada hari ini, di atas nama hak asasi dan kebebasan individu mereka akan menjajah fikiran, ekonomi dan politik kita secara lebih halus. Sekiranya kita terperangkap dengan helah mereka, kita akan sentiasa berada di bawah telunjuk mereka dalam setiap urusan pentadbiran negara. Antara sasaran mereka adalah melalui kesatuan-kesatuan sekerja. Oleh itu kita harus berwaspada untuk mengelakkan diri dari dipergunakan oleh kuasa asing atau mana-mana parti politik untuk agenda sempit mereka semata-mata.

22. CUEPACS sebagai sebuah badan profesional, harus berkecuali dan tidak memihak kepada mana-mana ideologi dan fahaman politik. Hanya dengan itu dapat kita pastikan keharmonian dan kestabilan, bukan hanya di kalangan ahli-ahli, tetapi juga di antara kesatuan sekerja dan majikan.

23. Pada hari ini saya bergembira dan bersyukur kerana kesatuan sekerja sektor awam, khususnya di bawah kepimpinan CUEPACS, telah menunjukkan kebijaksanaan mereka di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara profesional. Ini telah membantu meneruskan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara. Oleh itu, saya menyeru kepada semua perwakilan yang hadir: Marilah bersama-sama mendukung cita-cita untuk menjayakan wawasan negara, yang berhasrat untuk mewujudkan sebuah negara yang maju, adil, aman dan makmur menjelang tahun 2020.

24. Bagi mereka yang akan bertanding dalam pemilihan kepimpinan CUEPACS kali ini, saya mengucapkan selamat maju jaya. Saya berharap perwakilan CUEPACS akan menggunakan hak mengundi mereka secara bijaksana dan memilih pemimpin yang berwibawa serta dapat membawa kongres ini ke tahap yang lebih cemerlang.

25. Sesungguhnya, kita telah melalui pelbagai halangan yang pahit dan getir dalam membangunkan negara. Masih banyak persoalan yang perlu kita tangani bersama. Senario politik dan ekonomi dunia yang tidak menentu akhir-akhir ini akan mencabar kita dalam masa terdekat. Saya berharap CUEPACS dan setiap kesatuan, serta para pekerja akan bersedia menghadapi apa jua keadaan dengan berani, sabar dan tabah. Berdoalah kepada Allah swt agar Malaysia sentiasa dilindunginya. Berikan sokongan dan kepercayaan penuh tuan-tuan dan puan-puan kepada kepimpinan negara untuk terus membawa Malaysia ke mercu kejayaan, insya-Allah.

26. Akhir kata, dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan konvensyen CUEPACS ke-22 ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.